Sewaan Kapal (*Ship Chartering*)

1) *Ship Chartering*: Suatu proses penyewaan kapal melalui persetujuan dua pihak – pemilik kapal (*shipowner*) dan penyewa (*charterer*) – bagi tujuan samada untuk pengendalian, pemindahan kargo, ataupun sebagai kenderaan pengangkutan.
2) Persetujuan antara penyewa dan pemberi sewa ini dimaktubkan dalam satu dokumen/kontrak perjanjian sewaan kapal yang dinamakan sebagai *Charter Party*. Sekiranya diperlukan, broker kapal (*shipbroker*) pula boleh bertindak sebagai orang tengah atau bagi pihak pemunya kapal atau penyewa untuk meneliti dan menguruskan kontrak sewaan.
3) Kontrak sewaan kapal pula boleh dikategorikan kepada 3 jenis iaitu:

1. Voyage Charter	***2. Time Charter***	***3. Bareboat Charter***
▪ Merujuk kepada sewaan kapal beserta dengan kru kapal untuk suatu kontrak ***perjalanan*** yang khusus (*voyage basis*) antara dua pelabuhan destinasi (*load & discharge port*). ▪ Penyewa akan membayar kos mengikut kuantiti kargo per-tan atau secara bayaran *lump-sum*, manakala pemilik kapal menanggung kos di pelabuhan, minyak dan kru. ▪ Sebagai contoh, kontrak sewaan menetapkan perjalanan dari Klang ke Bintulu – setelah perjalanan itu lengkap kontrak dianggap tamat dan kapal dipulangkan semula ke pemilik.	▪ Melalui kontrak sewaan secara *time charter*, penyewa akan menggunakan kapal untuk suatu ***tempoh*** pengunaan yang dipersetujui bersama (*time basis*). ▪ Sepanjang tempoh sewaan penyewa bebas menentukan destinasi dan laluan pelayaran, serta bertanggungjawab ke atas kos yang dikenakan kepada kapal (termasuk pengendalian kargo, caj pelabuhan, bekalan minyak, dll.). ▪ Pemilik kapal pula akan menanggung kos operasi kapal termasuk kru, sengaraan dan pembaikan, dan insurans. ▪ Kontrak dianggap tamat apabila tempoh sewaan telah tamat.	▪ Juga dipanggil *demise charter*; ▪ Kebiasaan bagi penyewa yang ingin menyewa kapal untuk suatu tempoh yang panjang (bertahun). ▪ Pemilik kapal menyewakan kapal sahaja dan menyerahkan hak penyewaan sepenuhnya kepada penyewa. ▪ Sepanjang tempoh sewaan, penyewa akan bertangungjawab sepenuhnya ke atas kapal dan menanggung segala kos pengendalian dan operasi sepanjang tempoh sewaan termasuk mencari kru kapal, minyak, insurans, senggaraan, dsb.